

21 MAR 1996

Mahathir-NZ

LAWATAN KE NEW ZEALAND TINGKAT KERJASAMA EKONOMI, PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Teras lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke New Zealand minggu hadapan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan pendidikan, kata pegawai kanan Wisma Putra di sini hari ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (1) Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali berkata hubungan baik Malaysia dan New Zealand yang begitu lama akan diperkukuhkan menerusi hubungan ekonomi, perdagangan dan pendidikan.

"Lawatan Dr Mahathir itu sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan hubungan baik yang sedia wujud antara kedua-dua negara Komanwel itu," katanya ketika memberi taklimat kepada wartawan mengenai lawatan dua hari Perdana Menteri bermula Selasa ini.

Malaysia ialah pasaran eksport terbesar New Zealand di Asia Tenggara (RM673 juta dalam 1995) dan sumber import kedua terbesar dari rantau itu selepas Singapura.

Walaupun imbalan dagang memihak New Zealand, import negara itu dari Malaysia meningkat dan tahun lepas melonjak kepada RM390 juta.

Kedua-dua negara sejak sekian lama mempunyai hubungan rakyat-dan-rakyat dan telah mewujudkan kerjasama erat dalam pelbagai bidang, terutama pendidikan.

Kini terdapat kira-kira 2,000 pelajar Malaysia di New Zealand dan setakat ini lebih 13,000 rakyat Malaysia telah mengikuti pendidikan di negara itu.

Halim berkata Malaysia dan New Zealand mempunyai pandangan yang sama dalam banyak perkara termasuk isu nuklear dan pemberian bantuan kepada negara-negara membangun.

Antara anggota delegasi rasmi Perdana Menteri seramai 28 orang ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Pertanian Datuk Tengku Mahmud Mansor. Rombongan 40 orang ahli perniagaan turut mengiringi Dr Mahathir.

Perdana Menteri dijadual mengadakan rundingan dengan rakan sejawatannya Jim Bolger sebaik tiba di Wellington pada Selasa.

Lawatan ketatnya termasuk merasmikan Kerusi mengenai Pengajian Melayu di Victoria University, Wellington, melancarkan Institut New Zealand Asia di Auckland University, Auckland, berucap pada Majlis Perniagaan New

Halim berkata empat dokumen akan ditandatangani semasa lawatan itu, meliputi pendidikan, pertahanan, persiapan perundingan penyiaran untuk Sukan Komanwel, Sukom KL 1998 dan percutian bekerja.

Memorandum persefahaman mengenai pendidikan meliputi pertukaran pelajar dan pengiktirafan ijazah universiti manakala peraturan percutian bekerja untuk membolehkan golongan muda dari kedua-dua negara tinggal dan bekerja di antara negara untuk tempoh singkat dalam usaha menggalakkan persefahaman bersama.

Idea itu diilhamkan Bolger yang melawat Malaysia dalam 1994.

Dokumen mengenai kerjasama pertahanan ialah memberi pengiktirafan rasmi kepada berbagai-bagai aktiviti yang sedang dijalankan sekarang. Malaysia dan New Zealand menganggotai Peraturan Pertahanan Lima Negara (bersama-sama Singapura, Britain dan Australia).

Perjanjian perundingan penyiaran ialah untuk TV New Zealand membantu RTM dalam membuat liputan Sukom KL 1998 di Kuala Lumpur.

Dalam perjalanan pulang ke Malaysia, Dr Mahathir dijadual singgah

dua jam di Brisbane untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri baru Australia John Howard.

Howard telah memohon untuk mengadakan pertemuan itu dan menurut Halim, ia umumnya untuk membolehkan kedua-dua pemimpin lebih kenal mengenali dan mungkin membincangkan isu-isu berkepentingan bersama.

"Terdapat permintaan khusus dari Howard untuk menemui Dr Mahathir dan Dr Mahathir bersetuju," kata Halim.

"Saya tidak mengetahui apa yang akan mereka bincangkan ... mungkin Howard ingin menyentuh perkara-perkara asas (dengan Dr Mahathir) dan menyuarakan keinginan Australia untuk mengadakan hubungan baik dengan Malaysia." -- Bernama.

MAM SJ AHH